

**AMALAN PENGURUSAN LANDSKAP YANG
EFEKTIF : KAJIAN KES PROJEK TAMAN
REKREASI OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI PERAK**

NOR AZIAN BT MOHD HANAFIAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains**

**AMALAN PENGURUSAN LANDSKAP YANG
EFEKTIF : KAJIAN KES PROJEK TAMAN
REKREASI OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI PERAK**

Oleh

NOR AZIAN BT MOHD HANAFIAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains**

December 2008

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Foto	xiii
Senarai Kependekan	xvii
Abstrak	xviii
Abstract	xix

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.3	Soalan Penyelidikan	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Had Kajian	6
1.7	Metodologi Kajian	7
1.8	Rangka Kerja Tesis	8
1.9	Kepentingan Kajian	11
1.10	Organisasi Kerja Tesis	11

BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL

2.1	Pengenalan	14
2.1.1	Definisi Pengurusan projek	15
2.1.2	Objektif Pengurusan Objektif	18
2.1.3	Aplikasi Pengurusan Projek	19
2.1.4	Skop Kerja Pengurusan Projek	20
2.1.5	Peringkat Di dalam Pengurusan Projek	21
2.1.6	Peranan Dan Tanggungjawab Pengurus Projek	22
2.1.7	Kemahiran Pengurus Projek	25
2.2	Elemen Pengurusan Projek Efektif	26
2.2.1	Perancangan	29
2.2.2	Organisasi	32
2.2.3	Komunikasi	35
2.2.4	Pembuat keputusan	37
2.2.5	Pengarahan	39
2.2.6	Motivasi	39
2.2.7	Sumber manusia	40
2.2.8	Kawalan	42
2.3	Faktor Lain mempengaruhi Pengurusan	45
2.3.1	Integrasi	45
2.3.2	Masa Projek	45
2.3.3	Kos Projek	46
2.3.4	Kualiti Projek	46
2.3.5	Risiko	47
2.3.6	Perolehan Projek	47

2.4	Rumusan	48
2.5	Pengurusan Projek Landskap	51
2.5.1	Pengurusan Projek Landskap Yang Efektif	52
2.5.2	Peringkat Perancangan Landskap	58
2.5.3	Pembangunan Landskap	60
2.5.4	Kepentingan Landskap Kepada Masyarakat	62
2.5.5	Keperluan Dan Garis Panduan Landskap Bagi Projek Pembangunan	64
2.5.6	Kajian Empirikal Terhadap Landskap	69
2.6	Projek Taman Rekreasi	74
2.6.1	Jenis Aktiviti	77
2.6.2	Fungsi Taman	78
2.6.3	Pengguna Kawasan Taman	79
2.6.4	Elemen Dalam Taman Rekreasi	81
2.6.5	Taman Perbandaran	83
2.7	Kepentingan Pengurusan Taman Bandar	86
2.8	Penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan Terhadap Pengurusan Landskap	89
2.8.1	Kepentingan Organisasi Dalam Pengurusan Projek	92
2.8.2	Peranan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Melaksana Terhadap Landskap Negara	94
2.9	Pengurusan Fasiliti	97
2.9.1	Definisi Pengurusan Fasiliti	98
2.9.2	Skop Pengurusan Fasiliti	100

2.9.3	Konsep Pengurusan Fasiliti	101
2.9.4	Fungsi Pengurusan	101
2.9.5	Aliran Kerja Pengurusan Fasiliti	103
2.9.6	Kepentingan Pengurusan Fasiliti	104
2.10	Aplikasi Pengurusan Fasiliti Dalam Pengurusan Projek Landskap	107
2.11	Rumusan	108
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	111
3.2	Proses Methodologi Kajian	111
3.3	Teknik Pengumpulan Data	112
3.3.1	Data Sekunder	114
3.3.2	Data Primer	114
3.4	Penentuan Dan Pemilihan Sampel	121
3.4.1	Populasi	121
3.4.2	Rangka Persampelan	122
3.4.3	Sampel	122
3.4.4	Kaedah Persampelan	122
3.4.5	Saiz Sampel	122
3.5	Kaedah Analisis Data	124
3.5.1	Perbandingan Kes kajian	125
3.5.2	Analisis Pengamatan	125
3.5.3	Analisis Soal Selidik	126
3.5.4	Analisis Kekekapan	126

3.6	Kekangan kajian	127
3.6.1	Kesukaran Menetapkan Pemilihan Pihak Berkuasa Tempatan	127
3.6.2	Ketiadaan Kepakaran Landskap Didalam PBT	127
3.6.3	Konstrain Masa, Tenaga , Kos dan Kesihatan	128
3.7	Rumusan	128

BAB 4 KAJIAN KES

4.1	Pengenalan	129
4.2	Kes Kajian	130
4.2.1	Kes Kajian 1 – Taman Tasik Taiping	130
4.2.1.1	Diskripsi Projek	130
4.2.1.2	Latarbelakang Kawasan Kajian	131
4.2.1.3	Pihak Berkuasa Tempatan 1- Majlis Perbandaran Taiping	136
4.2.2	Kes Kajian 2 – Taman Awam Lumut Front	141
4.2.2.1	Diskripsi Projek	141
4.2.2.2	Latarbelakang Kawasan Kajian	142
4.2.2.3	Pihak Berkuasa Tempatan 2- Majlis Perbandaran Manjung	146
4.2.3	Kes Kajian 3 – Taman Dr. Senivasagam	150
4.2.3.1	Diskripsi Projek	150
4.2.3.2	Latar Belakang Kawasan Kajian	151
4.2.3.3	Pihak Berkuasa Tempatan 2- Majlis Bandaraya Ipoh	153

4.2.4	Kes Kajian 4 – Taman Batu Gajah	158
4.2.4.1	Diskripsi Projek	158
4.2.4.2	Latarbelakang Kajian	159
4.2.4.3	Pihak Berkuasa Tempatan 4- Majlis Daerah Kinta Barat	161
4.3	Rumusan	164
BAB 5	PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS	
5.1	Pengenalan	166
5.2	Profil Responden	166
5.3	Ciri-Ciri Aktiviti Taman	168
5.4	Pengurusan Projek Taman Bandaran	172
5.4.1	Aspek Kualiti Taman Bandaran	172
5.4.1.1	Kemudahan Awam	172
5.4.1.2	Kualiti Landskap Kejur	186
5.4.1.3	Kualiti Landskap Lembut	202
5.4.1.4	Pengurusan Taman	211
5.5	Rumusan	216
5.5.1	Profil Responden	216
5.5.2	Persepsi Responden	218
5.5.2.1	Ciri-ciri Aktiviti Taman	218
5.5.2.2	Kualiti Pengurusan Landskap	220
5.5.2.3	Pengurusan Dan Penyelenggaraan Taman	224

BAB 6 PENEMUAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	226
6.2	Penemuan	226
6.2.1	Kemudahan	226
6.2.1.1	Kemudahan Awam	226
6.2.1.2	Kemudahan Landskap	227
6.2.1.3	Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan	228
6.3	Pencapaian Objektif Penyelidikan	230
6.4	Cadangan	232
6.4.1	Penstrukturan Semula Struktur Organisasi PBT	232
6.4.2	Amalan Pengurusan Projek	232
6.4.3	Meningkatkan Kualiti Pengurusan Landskap	233
6.4.4	Kajian Lanjutan Oleh Pihak Berkuasa Terlibat	235
6.5	Kesimpulan	236
	Rujukan	238
	Lampiran	
	Lampiran 1	245
	Lampiran 2	248
	Lampiran 3	250
	Lampiran 4	251

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Peringkat Pengurusan	21
Jadual 2.2	Pemilihan Struktur	35
Jadual 3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel	123
Jadual 3.2	Jadual Saiz Sampel Kawasan Kajian	123
Jadual 4.1	Fakta Ringkas Penyelenggaraan MPT	139
Jadual 4.2	Rumusan Keseluruhan PBT	165
Jadual 5.1	Jantina	167
Jadual 5.2	Bangsa Dan Umur	167
Jadual 5.3	Perkaitan Aktiviti Dan Kekerapan	169
Jadual 5.4	Perbandingan Aktiviti Taman	170
Jadual 5.5	Kenderaan Ke Taman	171
Jadual 5.6	Jangka masa Beriadah	172
Jadual 5.7	Kualiti Surau	173
Jadual 5.8	Agama	173
Jadual 5.9	Kualiti Tandas Awam	175
Jadual 5.10	Kualiti Tempat Letak Kereta	177
Jadual 5.11	Kualiti Tong Sampah	180
Jadual 5.12	Kualiti Lampu Taman	182
Jadual 5.13	Kualiti Gerai	183
Jadual 5.14	Kualiti Peralatan Permainan	187
Jadual 5.15	Kualiti Bangku	190

Jadual 5.16	Kualiti Wakaf	192
Jadual 5.17	Kualiti Arca	193
Jadual 5.18	Kualiti Gerbang	195
Jadual 5.19	Kualiti Pejalan Kaki	197
Jadual 5.20	Kualiti Elemen Air	199
Jadual 5.21	Kualiti Janbatan	202
Jadual 5.22	Kualiti Pokok Besar	204
Jadual 5.23	Kualiti Pokok Teduh	205
Jadual 5.24	Kualiti Pokok Renek	207
Jadual 5.25	Kualiti Rumput	210
Jadual 5.26	Kualiti Kebersihan	212
Jadual 5.27	Susunatur Taman	214
Jadual 5.28	Kawalan Dan Keselamatan	216
Jadual 5.29	Profil Responden	217
Jadual 5.30	Ciri-ciri Aktiviti Taman	220
Jadual 5.31	Kualiti Kemudahan Awam	221
Jadual 5.32	Kualiti Landskap Kejur	222
Jadual 5.33	Kualiti Landskap Lembut	223
Jadual 5.34	Pengurusan Dan Penyelenggaraan	225

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Methodologi Kajian	8
Rajah 1.2	Rangka Kerja Penyelidikan	10
Rajah 2.1	Objektif Pengurusan Projek	19
Rajah 2.2	Hirarki Peranan Pengurus	23
Rajah 2.3	Kawalan Pengurusan Projek	44
Rajah 2.4	Segitiga Organisasi	92
Rajah 2.5	Model Kualiti Perkhidmatan SINERGI	106
Rajah 3.1	Aliran Proses kajian	113
Rajah 4.1	Carta Organisasi Majlis Perbandaran Taiping	137
Rajah 4.2	Carta Organisasi Majlis Perbandaran Manjung	147
Rajah 4.3	Carta Organisasi Majlis Bandaraya Ipoh	156
Rajah 4.4	Carta Organisasi Majlis Perbandaran Kinta Barat	163

SENARAI FOTO

Foto 4.1	Taman Tasik Taiping	130
Foto 4.1 (a)	Pejalan Kaki di dalam Taman Tasik	134
Foto 4.1 (b)	Jeti Berkayak	134
Foto 4.1 (c)	Kawasan Bertar digunakan untuk aktiviti lain dalam taman	134
Foto 4.1 (d)	Air pancut sejak tahun 1850	134
Foto 4.1 (e)	Elemen Pergola dapat menarik pengunjung	134
Foto 4.1 (f)	Elemen Jambatan lama yang masih digunakan dalam tasik Sejak 1850	134
Foto 4.1 (g)	Arca Bola Golf	135
Foto 4.1 (h)	Pokok Teratai layu dalam Tasik	135
Foto 4.1 (i)	Elemen Bangku di sekeliling Tasik	135
Foto 4.1 (j)	Pusat menaiki Kayak	135
Foto 4.1 (k)	Pokok seusia 100 tahun di sepanjang jalan utama	135
Foto 4.1 (l)	Jambatan lama	135
Foto 4.2	Taman Bandaran Lumut	141
Foto 4.2 (a)	Pintu masuk Esplanade Wing	143
Foto 4.2 (b)	Pintu masuk Marina Wing	143
Foto 4.2 (c)	Jalan masuk ke Esplanade dari Jetty Wing	144
Foto 4.2 (d)	Pejalan kaki menjadi tempat menunggang basikal Di Marina Wing	144
Foto 4.2 (e)	Elemen Bangku di Esplanade Wing	144

Foto 4.2 (f)	Pejalan kaki di sepanjang pantai di Esplanade Wing Sejak 1850.	144
Foto 4.2 (g)	Pemandangan di Marina Wing berhadapan laut	144
Foto 4.2 (h)	Jeti yang terdapat di Marina Wing	144
Foto 4.2 (i)	Elemen Bangku di sekeliling Tasik	145
Foto 4.2 (j)	Landskap lembut di Marina Wing	145
Foto 4.2 (k)	Permainan kanak-kanak di Esplanade Wing	145
Foto 4.2 (l)	Pokok yang disusun dan di bentuk ‘Topiari’	145
Foto 4.2 (m)	Tempat letak kereta sistemati	145
Foto 4.2 (n)	Sistem perparitan di dalam Taman di Esplanade kurang baik	145
Foto 4.3	Taman Dr. Senivasagam	150
Foto 4.3 (a)	Gerbang di pintu masuk Taman Dr. Senivasagam, Ipoh	152
Foto 4.3 (b)	Kawasan Khas jogging di taman	152
Foto 4.3 (c)	Pejalan kaki di sepanjang jalan utama dan tumbuhan dalam taman	152
Foto 4.3 (d)	Aktiviti bersukan yang sering di jalan di taman	152
Foto 4.3 (e)	Bangku konkrit	152
Foto 4.3 (f)	Peralatan sukan	152
Foto 4.4	Taman Batu Gajah	158
Foto 4.4 (a)	Keadaan Pintu Masuk Taman Batu Gajah	160
Foto 4.4 (b)	Permainan kanak-kanak	160
Foto 4.4 (c)	Wakaf Yang digunakan Untuk berehat	160
Foto 4.4 (d)	Tumbuhan Yang Terdapat di Dalam Taman	160
Foto 4.4 (e)	Pokok Renek	160
Foto 4.4 (f)	Bangku Yang Telah Lama Masih di gunakan lagi	160

Foto 5.1	Surau Dan Tandas Awam	174
Foto 5.2	Tandas Awam Taman Tasik Taiping	175
Foto 5.3	Tandas Awam	176
Foto 5.4	Tempat Letak Kereta Taman Batu Gajah	177
Foto 5.5	Tempat Letak Kereta Taman Tasik	178
Foto 5.6	Tempat Letak Kereta –Zoo Taiping	178
Foto 5.7	Letak Kereta –Taman Dr. Senivasagam, Ipoh	179
Foto 5.8	Tomg Sampah – Taman Tasik Taiping	181
Foto 5.9	Lampu Taman- Taman Batu Gajah	182
Foto 5.10	Kiosk- Taman Tasik Taiping	184
Foto 5.11	Medan Selera – Taman Awam Lumut Waterfront	184
Foto 5.12	Jalan Masuk 1 – Batu Gajah	185
Foto 5.13	Jalan Masuk 2 – Batu Gajah	185
Foto 5.14	Jalan Masuk - Taman Taiping Taiping	185
Foto 5.15	Jalan Masuk - Taman Dr. Senivasagam	185
Foto 5.16	Jalan Masuk -Taman Awam Lumut Water Front	186
Foto 5.17	Taman Permainan Taman Awam Lumut Water front	187
Foto 5.18	Taman Permainan Taman Dr. Senivasagam	188
Foto 5.19	Taman Permainan Taman Awam Lumut Waterfront	188
Foto 5.20	Taman Permainan Taman Batu Gajah	189
Foto 5.21	Elemen Peralatan Kanak-Kanak	189
Foto 5.22	Bangku	190
Foto 5.23	Bangku Taman Tasik Taiping	191
Foto 5.24	Wakaf	192
Foto 5.25	Arca	194

Foto 5..26	Gerbang Taman Batu Gajah	195
Foto 5.27	Laluan Pejalan Kaki	196
Foto 5.28	Laluan Refleksologi	197
Foto 5.29	Laluan Pejalan Kaki	198
Foto 5.30	Air Pancut 1	200
Foto 5.31	Air Pancut 2	200
Foto 5.32	Elemen Jambatan Di Taman Tasik Taiping	201
Foto 5.33	Pokok Besar Di Taman Tasik Taiping	203
Foto 5.34	Pokok Besar Di Taman Dr. Senivasagam	203
Foto 5.35	Pokok Teduhan	206
Foto 5.36	Pokok Renek 1	208
Foto 5.37	Pokok Renek- 2	208
Foto 5.38	Pokok Renek- 3	208
Foto 5.39	Pokok Renek -4	209
Foto 5.40	Rumput	209

SENARAI KEPENDEKAN

PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
JPBD	-	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa
JLN	-	Jabatan Landskap Negara
JKT	-	Jawatan Kuasa Teknikal
MBI	-	Majlis Bandaraya Ipoh
MPT	-	Majlis Perbandaran Taiping
MPM	-	Majlis Perbandaran Manjung
MDKB	-	Majlis Daerah Kinta Barat
MIS	-	Management information system
INTAN	-	Instittut Tadbiran Awam Negara
PMBOK	-	The Project Management Body of Management
SPSS	-	Statistical Package For The Social Sciences
TNB	-	Tenaga Nasional Berhad
MIS	-	Management Information System

**AMALAN PENGURUSAN LANDSKAP YANG EFEKTIF:
KAJIAN KES PROJEK TAMAN REKREASI
OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI PERAK**

ABSTRAK

Pengurusan projek landskap ialah tugas pentadbiran, perancangan dan penyelenggaraan bagi membangunkan projek-projek landskap. Hasil daripada tinjauan literatur beberapa orang penulis sebelum ini telah mendapati bahawa tahap pengurusan dan penyelenggaraan serta kualiti landskap di Malaysia masih lagi rendah. Objektif kajian ialah mengenalpasti isu dan masalah pengurusan landskap, mengenalpasti bentuk pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan projek landskap yang lebih efektif dan mengenalpasti tahap kepuasan pengguna taman rekreasi. Kajian perbandingan tahap kualiti landskap telah dijalankan keatas keempat-empat pihak berkuasa tempatan dapat membantu mencapai objektif kajian. Pihak berkuasa tempatan yang terlibat ialah Taiping, Lumut, Ipoh dan Batu Gajah. Empat buah taman rekreasi (Taman Tasik Taiping, Taman Awam Lumut, Taman Dr. Senivasagam dan Taman Batu Gajah) telah di pilih. Data yang diperolehi melalui kaedah pengamatan, temubual dan soal-selidik ke atas pengguna yang sering ke taman. Hasil kajian telah mendapati bahawa pengurusan dan penyelenggaraan landskap di bawah operasi pihak berkuasa tempatan masih berada di tahap sederhana. Cadangan turut dikemukakan bagi menambahbaikkan pengurusan dan penyelenggaraan di pihak berkuasa tempatan bagi memastikan pengurusan projek landskap berada di tahap yang lebih baik bagi mencapai sasaran kerajaan bagi menjadikan Malaysia Negara Taman yang Terindah menjelang 2020.

**THE EFFECTIVE OF LANDSCAPE MANAGEMENT PRACTICES:
CASE STUDIES IN RECREATION PARK PROJECTS BY LOCAL
AUTHORITIES OF PERAK STATE**

ABSTRACT

Landscape Project management is the work of administration, planning and maintenance to develop the landscape projects. Literature review found that the level of quality of landscape management and maintenance of local authorities are still low. The objectives of this study to identify issues and problems of landscape management, to identify the form of management of Local Authority in managing effective landscape project, and to identify the level of user's satisfaction. Comparison study of quality level which have been done to four local authorities can help to achieve the objectives studies. The Local Authorities involved are Taiping, Lumut, Ipoh and Batu Gajah. There are four recreation park (Taiping Lake Garden, Lumut Municipal Park, Dr. Senivasagam Park and Batu Gajah Park) have been selected. Data collected through interviews and surveys the users that were frequently used the parks. The Findings of this study show that the management and maintenance of landscape by Local Authority is at moderate level. Suggestions and recommendations were forwarded on the measures to be taken by responsible parties to make sure that the level of management and maintenance are at the highest level so that the government objectives becoming the Most Beautiful and Advanced Garden Nation in the year 2020 can be achieved.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengurusan projek menurut prakata Zulkarnain (2000) petikan dari Lee (2000) adalah merupakan aktiviti penting di dalam usaha untuk merealisasikan dasar-dasar pembangunan negara yang memberi fokus kepada pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal dengan kemanusiaan, antara pembangunan dengan agihan sumber dan antara pembangunan dengan kualiti kehidupan.

Perancangan projek mestilah melalui pelbagai peringkat penapisan seperti peringkat daerah, negeri, kementerian, agensi pusat dan jemaah menteri. Kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diperlukan agar kawasan taman diselenggara dengan baik dan berkesan supaya pembangunan landskap yang dilaksanakan dapat dinikmati oleh orang ramai sejajar dengan tujuan asal pembangunan (Lee, 2000).

Projek-projek kerajaan perlulah diuruskan dengan baik dan sistematik. Perancangan, pelaksanaan dan penyelesaian projek merupakan tonggak penting dalam menjayakan sesuatu projek bagi mencapai matlamat rancangan pembangunan negara. Jika projek tidak dirancang dengan baik maka besar kemungkinan akan berlaku kelewatan dan akibatnya ialah objektif pembangunan tidak dicapai.

Pengurusan projek, menurut Aziz (1997) ia bermula daripada peringkat idea, kajian kemungkinan, pelaksanaan dan hingga ke peringkat penyiapan sesuatu projek.

Oleh itu bidang pengurusan dianggap sebagai satu pekerjaan kerana ia memerlukan kepakaran, kebolehan, kemampuan dan daya cipta pengurus yang cekap dan berkesan (Juhary & Ishak 1992, p.3).

Pengurusan merupakan suatu yang universal di dalam industri moden dan menjadi semakin penting dengan meningkatnya spesialisasi pekerjaan serta berkembangnya skala operasi (Massie,1985). Kelemahan pengurusan dalam satu perusahaan awam adalah disebabkan pemimpin pengurusan yang tidak mahir dalam selok belok mengelolakan sesuatu perusahaan awam. Kadangkala mereka ialah orang yang kurang pengalaman, kelulusan dan kepakaran (Lee,2000).

Dalam memastikan kejayaan prestasi sesuatu projek, teknik pengurusan projek yang efektif adalah penting. Sumber manusia yang komited diperlukan sebagai enjin sesebuah projek mahupun organisasi. Sistem Pengawasan dan pengawalan projek, prosedur dan kawalan direkabentuk untuk mencapai objektif projek dan pengenalpastian serta pengurusan risiko (Lee, 2000). Pengurusan Pembangunan Landskap di negara kita masih lagi tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Terutamanya bagi menjayakan seruan kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai **‘Negara Taman Yang Terindah’** menjelang tahun 2020. (http://www.kpkt.gov.my/j.Ucapandsr_ksu_)

Keperluan masyarakat kepada rekreasi semakin ketara daripada peningkatan dalam mutu pendidikan dan status ekonomi. Bagi mewujudkan satu persekitaran kehidupan yang sihat, selesa dan menarik, penyediaan kawasan taman dan rekreasi

adalah penting dan perlu diberi perhatian yang serius serta diurus oleh pihak kerajaan .

1.2 KENYATAAN MASALAH

Perkembangan landskap kini telah menghasilkan beberapa perubahan alam semulajadi. Namun begitu masih terdapat kelemahan di dalam pengurusan pembangunan landskap. Di antara masalah yang dikenal pasti ialah :-

i. Kualiti Pembangunan Landskap Masih Di Tahap Yang Rendah

Dalam usaha kementerian untuk mempertingkatkan kualiti hidup melalui penyediaan kawasan lapang dan taman didapati kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai tapak yang sesuai untuk tujuan tersebut.

Menurut Sulung Muhamad (1994) di bandar dan Petaling Jaya serta pertumbuhan baru, pihak perbandaran gagal menyediakan ruang rekreasi dengan kemudahan yang cukup, termasuk pokok-pokok malahan kebanyakan telah menjadi tanah terbiar. Kebanyakan tapak yang dikenalpasti untuk tujuan taman awam ialah tanah rezab sungai dan hutan yang nyata kurang sesuai untuk tujuan pembangunan awam peringkat Bandar (Profil JKT, 1999).

Kajian kawasan lapang oleh Hisham (2001:105) di kawasan taman perumahan bandar Seberang Jaya didapati kekurangan kemudahan dan peralatan permainan serta landskap yang kurang menarik.

ii. Tahap Pengurusan Dan Penyelenggaraan Landskap Kurang Memuaskan.

Tahap pengurusan dan penyelenggaraan masih rendah. Menurut Pelan Induk Landskap, Wilayah persekutuan Labuan (1997-2015) telah mendapati rekabentuk landskap dan tahap penyelenggaraan yang rendah. Elemen landskap seperti peralatan permainan telah rosak dan terbiar kerana kurang penyelenggaraan. Kawasan lapang peringkat separuh bandar seperti Kompleks sukan mempunyai tahap penyelenggaraan yang rendah.

Kajian yang dijalankan oleh Melasutra (1996:190) dipetik dari Hisham (2001) di kawasan lapang di Petaling Jaya iaitu di seksyen 12, mendapati kawasan ini terbiar tanpa diberi perhatian dari segi penyelenggaraan dan penggunaan.

iii. Kekurangan Peruntukan Untuk Melaksanakan Projek.

Pada tahun 1999 pihak kementerian melalui Jabatan Landskap negara telah memperuntukkan kos pembangunan yang tinggi iaitu sebanyak RM37.6 juta. Namun begitu Pihak Berkuasa Tempatan masih mempunyai masalah kewangan di dalam melaksanakan pembangunan landskap yang dirancang.

1.3 SOALAN PENYELIDIKAN

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tahap kualiti (kemudahan dan penyelenggaraan) landskap rendah?
- b) Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam pengurusan projek landskap?
- c) Apakah tahap kepuasan pengguna?
- d) Bagaimanakah pengurusan landskap di Pihak Berkuasa Tempatan dapat diperbaiki?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengenalpasti isu dan masalah pengurusan landskap.
- ii. Untuk mengenalpasti bentuk pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan projek landskap yang lebih efektif.
- iii. Untuk mengenalpasti tahap kepuasan pengguna Taman Rekreasi.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ialah terdiri dari empat (4) taman bandaran di bawah operasi empat (4) Pihak berkuasa tempatan yang dipilih dalam Negeri Perak mengikut tiga (3) peringkat pentadbiran iaitu satu (1) taman di peringkat bandaraya, dua (2) taman di peringkat perbandaran dan satu (1) taman lagi di peringkat daerah. Pemilihan tapak kajian adalah berdasarkan kepada faktor pusat tumpuan pelancongan sediada,

kawasan bersejarah serta lokasi tapak kajian berada di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Negeri Perak mempunyai banyak tempat-tempat menarik untuk dikunjungi oleh pelancong tempatan dan luar negeri. Negeri Perak juga banyak mengekalkan kawasan bersejarah bagi tujuan riadah dan penyelidikan. Taman Tasik Taiping adalah sebuah taman yang pertama dan tertua di Malaysia, begitu juga dengan Taman Dr. Senivasagam dan Taman Batu Gajah merupakan taman yang telah lama dibina. Berbanding dengan Taman Awam Lumut Waterfront, taman yang baru diwujudkan tetapi merupakan pusat tumpuan pelancongan yang tinggi kerana ia berhampiran dengan Jeti untuk menuju ke kawasan pelancongan Pulau Pangkor.

1.6 HAD KAJIAN

Kajian ini adalah terhad kepada pengurusan projek landskap oleh agensi pelaksana iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT). Kajian akan tertumpu di sekitar taman bandaran. Iaitu pusat tumpuan penduduk bagi kegiatan rekreasi serta kemudahan untuk menikmati keindahan semulajadi yang tinggi nilainya. Pelan Induk Landskap sebagai kawalan dan penguatkuasaan yang berdasarkan Garispanduan Landskap Negara.


1.7 METODOLOGI KAJIAN

Beberapa pendekatan akan digunakan di dalam penyelidikan ini. Kajian dilakukan di dalam beberapa peringkat, bermula dengan kajian awalan iaitu meneliti isu dan masalah yang berkaitan dengan skop kajian. Seterusnya membawa kepada pembentukan matlamat dan objektif kajian. Pada peringkat awal had atau batasan kajian dikenalpasti supaya objektif dan skopnya adalah jelas. Peringkat seterusnya ialah proses pengumpulan data. Satu soal selidik rintis telah dijalankan bagi mendapat gambaran awal tentang objektif kajian. Kaedah pengumpulan data melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder. (Rujuk Rajah 1.1)

Data primer melibatkan tiga (3) kaedah iaitu soal-selidik, pemerhatian dan temubual. Data sekunder pula diperolehi dari bahan-bahan bercetak samada dari Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan, Pelan Induk Landskap, buku, jurnal, majalah, maklumat akhbar, internet dan sebagainya.

Peringkat seterusnya ialah pemerosesan dan analisis data dibahagikan kepada dua. Pertama, analisis statistik yang menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Kedua, analisis kualitatif yang menggunakan data-data dan maklumat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Peringkat terakhir kajian ini ialah membuat rumusan dan cadangan pembaikan berdasarkan masalah yang telah dikenalpasti pada peringkat penemuan kajian. (Rujuk Rajah 1.1)

Rajah 1.1 : Metodologi Kajian



1.8 RANGKA KERJA TESIS

Rangka kerja kajian penyelidikan ini disediakan untuk memudahkan pengkaji menentukan aspek yang akan di kaji. Berdasarkan Rajah 1.2 amalan pengurusan projek yang efektif dijadikan tema kajian berkaitan satu kajian pengurusan landskap. Elemen pengurusan adalah perkara penting dalam menentukan pengurusan projek itu efektif dan efisien. Teknik dan peralatan pengurusan


dijadikan sebagai elemen kawalan untuk memastikan projek itu akan mencapai matlamat dan objektif. Di masa yang sama teori mengenai pengurusan landskap dijelaskan. Pengurusan landskap menggunakan garis panduan dan kawalan untuk memastikan projek landskap terlaksana dengan efektif. Kedua-dua bentuk pengurusan ini mempunyai objektif yang sama.

Fokus kajian ialah melihat pengurusan projek pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Pihak berkuasa tempatan yang terlibat iaitu Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kinta Barat.

Dalam kajian ini pengkaji akan melihat projek landskap yang telah diuruskan oleh pihak berkuasa terlibat. Pengkaji telah memilih empat buah taman rekreasi di peringkat perbandaran iaitu Taman Tasik Taiping, Taman Awam Lumut Waterfront, Taman Dr. Senivasagam dan Taman Awam Batu Gajah. Dalam kajian ini pengkaji akan melihat bentuk pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan, aktiviti taman, kemudahan awam dan landskap, penyelenggaraan taman serta sumber kewangan untuk melaksanakan projek landskap oleh pihak berkuasa.

Pengkaji dapat mengenalpasti faktor-faktor atau punca-punca yang menyebabkan kualiti landskap dalam Negara kita masih lagi rendah iaitu dengan berpandukan kepada Dasar Landskap Negara serta garis panduan yang telah disediakan.

Rajah 1.2 : Rangka Kerja Penyelidikan



Beberapa penemuan ditemui iaitu melibatkan pengurusan pihak berkuasa tempatan terhadap aktiviti taman, kemudahan taman, pengurusan serta pelaksanaan dan penyelenggaraan bagi setiap taman kawasan kajian. Langkah-langkah kepada penyelesaian masalah iaitu cadangan dikemukakan demi meninggikan taraf kualiti taman di dalam negara kita Malaysia.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan yang akan diperolehi hasil dari kajian yang dijalankan adalah seperti di bawah:-

- i. Hasil kajian ini dapat dilakukan dengan lebih terperinci oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan mutu dan kualiti landskap bagi mencapai wawasan landskap negara menjelang tahun 2020.
- ii. Kajian berharap Pihak Berkuasa Tempatan dapat memperbaiki taraf kualiti perkhidmatan dan penyelenggaraan.
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan mengkaji semula sistem organisasi pentadbiran dan pengurusan supaya dapat meyelaras dan mengurus projek landskap dengan sistematik.

1.10 ORGANISASI KERJA TESIS

Pada keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima bab. Bab pertama menjelaskan tentang pengenalan kajian. Perbincangan adalah berkaitan dengan isu dan kenyataan permasalahan kajian. Bab ini turut menerangkan tentang matlamat, objektif

penyelidikan, soalan penyelidikan, skop, limitasi kajian, metodologi, kepentingan kajian serta ringkasan kerja tesis.

Bab dua, tumpuan kepada teori dan konsep yang berkaitan dengan pengurusan projek. Konsep pengurusan projek meliputi jenis-jenis pengurusan serta klasifikasi pengurusan yang telah diamalkan hingga ke zaman moden dan berteknologi kini. Skop kajian dalam bab ini menerangkan perbincangan khusus tentang kehendak kajian. Selain itu dalam bab ini juga menerangkan tentang pembangunan landskap serta kepentingan projek pembangunan landskap dalam menyumbang ke arah pembangunan industri pembinaan negara ini.

Bab tiga ialah peringkat Metodologi iaitu kaedah pengumpulan data. Ia meliputi rekabentuk soal selidik, kaedah temubual dan kaedah pemerhatian dijelaskan di dalam bab ini. Bab ini turut mengandungi kaedah temuduga dan pengurusan semasa menjalankan soal selidik serta kaedah menetapkan saiz sampel untuk responden. Justifikasi pemilihan lokasi kawasan kajian dinyatakan di dalam bab ini. Carta alir metodologi kajian turut disertakan di sini.

Bab empat adalah bahagian yang terpenting di dalam kajian ini. Ia menerangkan peringkat pengumpulan maklumat, menganalisa data-data dan penemuan dari data-data. Penjelasan tentang kajian dapat dinyatakan dan menentukan samada matlamat dan objektif yang ditentukan tercapai. Kajian terbukti dengan bantuan kerja-kerja pengamatan yang dijalankan iaitu melalui gambar-gambar yang diambil untuk penjelasan pihak pembaca. Pemerosesan data-data dijalankan dengan bantuan komputer. Data-data akan dianalisisakan untuk mendapatkan penemuan kajian.

Bab yang terakhir membicarakan penemuan kajian. Ia meliputi masalah - masalah dan potensi-potensi yang dihadapi. Rumusan penemuan diperoleh dari hasil penganalisaan data-data serta cadangan dan kesimpulan.

BAB 2

KAJIAN TEORITIKAL

2.1 PENGENALAN

Projek pembangunan membangun dengan pesatnya seperti cendawan yang tumbuh di seluruh negara. Oleh itu pengurusan dan organisasi semakin diperlukan. Pelbagai jenis pentadbir dan ahli birokrat dilahirkan untuk menjalankan pengurusan aktiviti kerajaan. Projek-projek pembangunan samada di sektor swasta atau sektor awam banyak melibatkan aktiviti pembinaan. Pertambahan di dalam aktiviti pembinaan, industri ini telah menjadi semakin kompleks. Oleh itu bidang pengurusan dianggap sebagai satu profesyen yang memerlukan seorang pengurus yang efektif.

Kepimpinan yang efektif sesuatu organisasi adalah keutamaan untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu projek (Trevor, 2000). Sesuatu projek yang berjaya memerlukan perancangan dan persediaan yang baik.

Menurut Lee (2000) projek pembangunan yang bermasalah atau lewat dalam pelaksanaan semakin meningkat bilangannya terutama sekali semasa kegawatan ekonomi pada tahun 1998. Berdasarkan penelitian ini masih terdapat kelemahan di peringkat pelaksana yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan.

Tanpa pengurusan yang baik sesuatu projek berkemungkinan akan menghadapi masalah samada di peringkat awal atau di peringkat akhir (Atory, 2001). Oleh itu pengurusan projek yang efektif adalah penting untuk memastikan prestasi projek berada di tahap yang memuaskan. Tanpa pembentukan undang-undang dan peraturan misi pembangunan tidak dapat berjalan dengan efektif. Sesuatu projek

pembangunan yang tidak membuat pengaturan pengendalian kerja-kerja dengan cekat akan menimbulkan masalah samada di peringkat pelanggan atau pun di peringkat pengurusan dan pentadbiran itu sendiri.

2.1.1 Definisi Pengurusan Projek

Definisi pengurusan menurut Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (1991), adalah pengendalian, menjalankan sesuatu urusan dan mengolah sesuatu projek supaya mendapat suatu penghasilan yang optimum.

Jaafar (1988) telah membuktikan bahawa pengurusan ialah suatu proses mengagihkan input-input organisasi (termasuk sumber ekonomi dan sumber kakitangan) dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output (segala barangan dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif tercapai. Beberapa definisi lain seterusnya akan memudahkan lagi kefahaman terhadap aspek pengurusan projek.

Beberapa fahaman yang dapat dipetik dari kalangan ahli yang mempraktik bidang pengurusan di antaranya ialah Massie (1985) menyatakan pengurusan merupakan suatu yang universal di dalam industri moden dan menjadi makin penting dengan meningkatnya spesialisasi pekerjaan serta berkembangnya skala operasi.

Oleh itu dibincangkan definisi projek untuk memudahkan kita memahami konsep pengurusan projek sesuatu pembangunan. Menurut Gay & Larson (2003), petikan Ira Modira (2005), projek ialah sesuatu yang kompleks, bukan rutin, satu daya

usaha dalam masa ditetapkan, sumber dan rekabentuk pelaksanaan spesifikasi untuk mencapai keperluan pelanggan.

Frankel (1990), memberi tiga takrif projek. Pertama adalah aktiviti-aktiviti yang disusun bertujuan menjadikan sesuatu itu berlaku. Kedua, pembangunan-pembangunan yang terancang dan memerlukan pelaksanaan tugas yang disusun dengan menggunakan pelbagai sumber di dalam pencapaiannya. Ketiga, adalah suatu set aktiviti yang di selaraskan dan tugas diberi bagi mencapai sesuatu objektif dengan memuaskan kehendak.

Sependapat dengannya ialah Lee (2000) menyatakan bahawa projek merupakan satu set tugas bagi menyempurnakan atau merupakan aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan sumber atau tenaga yang ada pada masa yang berkaitan untuk mendapatkan sesuatu pulangan yang berfaedah. Nilainya adalah tinggi pada masa hadapan.

Ciri-ciri projek, Gay & Larson (2003) petikan Ira Modira (2005) dikenalpasti seperti di bawah:-

- i. Mempunyai objektif dan matlamat tertentu
- ii. Menggunakan sumber seperti tenaga manusia, kewangan, masa, bahan pengeluaran dan sebagainya.
- iii. Mempunyai satu tempoh masa iaitu permulaan dan penamat.
- iv. Mempunyai agensi pemilik.

Sifat projek di dalam 'Project Management Body Of Knowledge' (2000), petikan dari Ira Modira (2005:28) adalah berbentuk seperti berikut:-

- i. Mempunyai sifat-sifat yang jelas.
- ii. Pusingan kitaran kerja yang pendek dan jelas.
- iii. Peranan pengurus projek adalah dominan.
- iv. Pendekatan kepada keuntungan.

Seterusnya ialah definisi pengurusan projek :

“Pengurusan projek ialah bermula daripada peringkat idea, kajian kemungkinan , pelaksanaan dan hingga peringkat penyiapan sesuatu projek” (A.Aziz,1997).

“ The art and science of coordinating people , equipment, materials, money and schedule to complete a specified project on time and within the approved cost”(Oberlander, 1993, petikan Ira , 2005 : 29).

Jaafar (1988) telah membuktikan bahawa pengurusan ialah suatu proses mengagihkan input-input organisasi (termasuk sumber ekonomi dan sumber kakitangan) dengan cara perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk tujuan mengeluarkan output (segala barangan dan perkhidmatan) yang diperlukan oleh pelanggan supaya objektif tercapai.

Kesimpulannya, pengurusan projek adalah satu urusan dan usaha yang dibebankan kepada individu atau badan yang bertanggung jawab iaitu pengurus projek untuk melaksanakan setiap perancangan pembangunan yang telah dirangka. Iaitu dengan memastikan struktur organisasi serta sistem kawalan beroperasi dengan baik dan bersistematik serta mencapai objektif pengurusan projek.

2.1.2 Objektif Pengurusan Projek


Objektif pengurusan projek secara am ialah untuk memberi sumbangan dan menyediakan kemudahan aktiviti kepada projek-projek pembangunan. Objektif utama (Tan,2000) ialah pencapaian projek yang berkualiti dan berkuantiti tinggi, kos yang rendah, jangka masa yang pendek, hasil pulangan yang tinggi dan penyelenggaraan yang mudah. (Rujuk Rajah 2.1)

Objektif kedua ialah untuk meningkatkan mutu persekitaran binaan, pemeliharaan eco- sistem semulajadi dan habitat serta memastikan keselesaan dan kepuasan hati pengguna. Tanggungjawab ini perlu diambil perhatian oleh ahli-ahli professional seperti Jurubina, Jurutera, Perancang bandar, Jurulandskap, Pereka dalaman, Perancang lalulintas, kemudahan infrastruktur dan lain-lain (Tan, 2000).

Adalah menjadi tugas seorang pengurus projek memastikan objektif tersebut tercapai iaitu dengan mengurusnya dari awal hinggalah ke peringkat penyediaan sesuatu projek. Penggunaan teknologi moden, kemahiran yang tinggi, pelaksanaan projek yang efisien dan efektif serta pembangunan dan penyelidikan adalah merupakan peralatan dan teknik pengurusan projek yang paling penting .

Adalah menjadi tugas seorang pengurus projek memastikan objektif tersebut tercapai iaitu dengan mengurusnya dari awal hinggalah ke peringkat penyediaan sesuatu projek. Penggunaan teknologi moden, kemahiran yang tinggi, pelaksanaan projek yang efisien dan efektif serta pembangunan dan penyelidikan adalah merupakan peralatan dan teknik pengurusan projek yang paling penting .

Rajah 2.1: Objektif Pengurusan Projek



Sumber : Tan (2000) Project Management In Malaysia.

2.1.3 Aplikasi Pengurusan Projek

Pengurusan projek boleh digunakan di pelbagai peringkat pembangunan iaitu bermula dari projek yang mudah sehinggalah ke peringkat projek mega atau raksaksa seperti pembinaan Kuala Lumpur International Airport dan bangunan pencakar langit, Kuala Lumpur City Centre. Pada keseluruhan projek menggunakan seni dan sains pengurusan projek. Kesemuanya memerlukan satu pengurusan projek yang canggih. Tan (2000) telah menggariskan katogeri projek pembangunan yang memerlukan aplikasi pengurusan projek. Katogeri projek terbahagi kepada lima (5) iaitu rekreasi, institusi, kediaman, perdagangan dan perindustrian seperti berikut :

- i. Projek Rekreasi - Golf course, Resort, Marina, Taman Hiburan, Taman Tema, Taman Laut dan Rumah Kelab.
- ii. Projek Institusi – Pusat perubatan, Pusat Kesihatan, Pusat Komuniti, Perpustakaan, Lapangan Terbang, Muzium, Planetarium, Hospital dan bangunan-bangunan kerajaan.
- iii. Projek Kediaman - Rumah Teres, Pangsapuri, Kondominium, Rumah Sesebuah dan Rumah Pangsa.
- iv. Projek Perindustrian – Industri Teres, Lot Industri, Gudang dan Komplek Industri.
- v. Projek Perdagangan – Pejabat, Pusat membeli-belah, Hotel, chalet, condotel, ‘Service Apartment’ dan restoren.

2.1.4 Skop Kerja Pengurusan Projek

Skop projek yang ditetapkan terbahagi kepada enam bahagian iaitu (Aziz, 1997);

- i. Teknikal (rekabentuk dan pembinaan)
- ii. Pengurusan (pentadbiran)
- iii. Kewangan
- iv. Jualan atau pajakan
- v. Penyelenggaraan (pengurusan hartanah)
- vi. Kelulusan (pihak berkuasa)

Menurut PMBOK (2000), perkara di dalam skop pengurusan ialah :-

- a) Penerimaan Projek.
- b) Skop perancangan. Kenyataan bertulis tentang skop pembangunan sebagai asas kepada projek pembangunan di masa hadapan.

- c) Definisi skop. Pembahagian projek utama kepada komponen pengurusan yang lebih kecil.
- d) Skop Variasi.
- e) Skop Kawalan perubahan iaitu mengawal perubahan kepada skop projek.

2.1.5 Peringkat Di dalam Pengurusan Projek

Di dalam pelaksanaan projek pelbagai peringkat yang dibahagikan kepada :-

Jadual 2.1 : Peringkat Pengurusan

PERINGKAT	AKTIVITI
i. Peringkat pertama	Kajian Awalan Menenalpasti Definisi
ii. Peringkat kedua	Merekabentuk Kos projek Kelulusan
iii. Peringkat ketiga	Dokumentasi Tender Anugerah
iv. Peringkat keempat	Pembinaan Penyeliaan
v. Peringkat kelima	Komisen Penyelenggaraan
vi. Peringkat keenam	Pemasaran
vii. Peringkat ketujuh	Laporan Kewangan

Sumber : Tan (2000) Project Management In Malaysia.

2.1.6 Peranan Dan Tanggungjawab Pengurus Projek


Di dalam projek pembangunan, seorang pengurus di beri tanggungjawab keatas pelaksanaan projek. Peranan pengurus projek (Tan, 2000), dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu Koordinator, Penyelesai masalah, Penyelaras, Pengawas dan Ketua. Peranan yang disenaraikan ini mempunyai peranan yang lebih terperinci seperti berikut:-

- i. Koordinator - merancang, menyusun, mengurus, mengawal dan meramal.
- ii. Ketua - mengetuai, mengarah, penunjuk, merangsang, motivasi, membimbing dan pandu arah.
- iii. Pengawas - menyelia, melapur, merekod, minit mesyuarat dan agenda.
- iv. Penyelaras - tambahan, melengkap, merangka kerja, merencana dan mengatur dan mengawal keadaan.
- v. Penyelesai masalah - menyelesaikan masalah, mengadili, konflik, mengurus, semangat berkumpul dan komunikasi perhubungan awam.

Peranan pihak pengurusan telah dikenalpasti oleh Mintzberg dari petikan Albert (1950) kepada tiga (3) iaitu peranan di dalam membuat keputusan, memberi maklumat dan antara perorangan. (Rujuk Rajah 2.2)

Pengurus projek bertanggung-jawab ke atas pengurusan projek bermula dari peringkat idea hinggalah ke peringkat penyiapan projek. Tugas seorang pengurus projek ialah untuk menyelaras semua aktiviti projek, membuat saranan projek, merancang rekabentuk, menyediakan lukisan dan spesifikasi untuk tender dan pembinaan. Pengurus projek juga mentadbir, membuat penyediaan anggaran dan penyelarasan gaji (Lee, 2000).

Rajah 2.2 : Hierarki Peranan Pengurus



Sumber : Albert (1988) Effective Management

Menurut Tan (2000) pengurus projek pada keseluruhannya bertanggungjawab ke atas klien untuk mencapai matlamat dan objektif projek serta memastikan ahli kumpulan projek menjalankan kerja, bertanggungjawab dan kewajipan keatas kontrak kerja dengan efisien dan efektif, profesional dan beretika.

Untuk memastikan sesuatu projek pembangunan itu berjaya dari segi pelaksanaan projek dan menjaga kualiti serta keseluruhan projek perlulah memilih orang yang sesuai untuk menjadi pengurus projek pembangunan. Setiap projek memerlukan kemahiran mengikut kepakaran khusus seorang pengurus projek (Juhary & Ishak, 1992). Oleh itu pihak pemaju atau pemilik syarikat memerlukan beberapa orang pengurus projek yang berdedikasi dan berkualiti.

Untuk menjadi seorang pengurus projek yang berkualiti adalah satu cabaran di dalam industri. Oleh itu seorang pengurus projek perlu memiliki kemahiran mengurus dan mempunyai sedikit latihan di dalam menggerakkan pengurusan projek (Chen, 1997).

Pengurus Projek adalah bertanggungjawab ke atas tiga (3) bahagian penting. Pertama, seorang Pengurus Projek perlu melaksanakan perancangan yang efektif dan mengawal sistem setiap aktiviti projek. Kedua, setiap perhubungan termasuklah di luar keperluan projek perlu diterbit dan dikekalkan. Ketiga, pengurus perlu terlibat menyediakan kontrak, kewangan, dan kerja teknikal (Ira, 2005).

Diaz (1990) telah mencadangkan di dalam kajiannya bahawa pengurus projek boleh menjadi seorang ‘fasilitator’ yang baik. Pengurus projek adalah sebagai seorang perunding motivasi, koodinator dan ketua (Chen,1997). Di antara tanggungjawab seorang pengurus projek telah dibahagikan seperti berikut (Aziz, 1997) :-

- i. Menyelaras semua aktiviti projek
- ii. Membuat saranan projek
- iii. Merekabentuk dan membuat penyediaan semua lukisan dan spesifikasi untuk tender dan pembinaan.
- iv. Penyediaan semua anggaran
- vi. Pentadbiran semua kontrak dan pengeluaran semua sijil.

Seorang pengurus perlu mempunyai pelbagai kebolehan iaitu seperti kecekapan teknikal, mengkoordinasi maklumat rekabentuk supaya cadangan pembangunan berada pada tahap ekonomi yang selamat.